

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 38 RABU 23 SEPTEMBER 1970

1390 رجب 22 دیج

PERCHUMA

SOAL KEMERDEKAAN

TIDAK TIMBUL

DALAM PERUNDINGAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah menegaskan bahawa sepanjang perundingan di-antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan Setia Usaha Negara British, Baginda Sultan tidak menimbulkan soal kemerdekaan.

Sabda itu yang di-junjong oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Putih bin Pengiran Haji Rajid berbunyi:

"Mengenai dengan berita yang di-terbitkan oleh Utusan Malaysia keluaran 17 September, 1970 yang mengatakan bahawa "Brunei di-jadualkan mencapai kemerdekaan pada 30 Nobember akan datang, sama ada ia suka atau tidak" menurut sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin bahawa sepanjang perundingan di-antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan Setia Usaha Negara British, Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak menimbulkan soal kemerdekaan, dan Paduka Seri Begawan Sultan maseh lagi perchaya kapada pendapatnya dengan izin Allah Subhanahu Wataala soal kemerdekaan tidak akan terbit dalam perundingan".

DO'A SELAMAT DI-SELUROH MESJID

BANDAR BRUNEI. — Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama telah mengarahkan kapada imam2 di-mesjid2 seluroh negeri supaya membacakan do'a selamat sempena hari keputeraan D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan. Do'a itu hendaklah di-baca sa-lepas melunaikan sembahyang fardhu magrib pada hari ini.



Tugas2 Surohanjaya Pelajaran

BANDAR BRUNEI. — Timbalan Peguam Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim yang juga menjadi Pengurus Surohanjaya Pelajaran berkata bahawa tugas utama surohanjaya itu ia-lah bertujuan untuk menyiasat kelemahan semua pelajar2 di-negeri ini.

Beliau berkata Surohanjaya

itu akan menumpukan usaha2nya untuk meneliti dan menyiasat semua mata pelajaran di-Brunei bagi faedah pembentukan satu dasar pelajaran negara yang lengkap.

Kata-nya, dasar itu di-sesuaikan dengan asperasi kepentingan dan perkembangan ekonomi, sosial dan politik.

Surohanjaya itu juga di-beri kuasa untuk menilai perkara2 yang berkenaan dengan pentadbiran di-Jabatan Pelajaran dan keadaan2 di-sekolah2 rendah, menengah dan tinggi.

Ia-nya juga akan meliputi Maktab Latehan Perguruan, sekolah jurusan teknikal dan pertukangan serta Maktab Pertanian.

Beliau menerangkan bahawa tugas Surohanjaya itu bukanlah semata2 menchari kesalah-an2 di-Jabatan Pelajaran, tetapi apa yang sa-benar-nya ia-lah menyiasat tentang kelemahan dan kemundoran hal pelajaran di-Brunei untuk di-perbaiki di-samping mendapat kerjasama dari semua pehak yang berkenaan.

Yang Berhormat itu menyatakan demikian dalam cheramah-nya yang telah di-sampaikan beliau kepada guru2 dan pegawai2 Jabatan Pelajaran termasuk pegawai kanan baru2 ini.

D. Y. M. M. berangkat pulang

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berangkat pulang pada hari Khamis lepas sa-lepas melawat London sejak 13 Ogos.

Baginda telah di-sambut oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan di-Kota Kinabalu dan berangkat ka-Brunei dengan menaiki kapal terbang Shar-ka Minyak Shell.

Duli Yang Maha Mulia telah diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Di-Raja Pengiran Anak Chuhi, Pechin Sanggamara Asgar Di-Raja Major Buterell dan Pechin Orang Kaya Perdana Indera Awang Haji Mohammd Taha.

Duli Yang Maha Mulia serta rombongan telah di-sambut di-lapangan terbang Berakas oleh T.Y.T. Pesurohjaya Tinggi British Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohamed Bol-kiah Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusof, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Chetria2, Pengiran2 dan ketua2 jabatan.

Yang Di-Muliakan Pechin Datu Seri Maharaja Dato Utama Awang Haji Ismail bin Omar Aziz telah membacakan do'a selamat atas keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia itu.

Gambar atas menunjukkan D.Y.M.M. sedang di-ziarahi oleh Penyurat Awang Haji Abu Bakar di-antara yang menyambut keberangkatan pulang kapada Baginda.

MEMANG tidak lojik dan ti-
dak pula termasuk pada
akal jika pentadbiran negeri
ini hanya di-selanggarakan oleh
Menteri Besar bersama2 de-
ngan pegawai2 utama yang sa-
ya sebutkan itu tadi. Oleh ker-
ana tugas dan tanggongjawab
Kerajaan itu ada-lah meliputi
semua aspek kehidupan, maka
di-tubohkan-lah beberapa buah
jabatan bagi mengelolakan be-
berapa aspek tugas dan tang-
gong-jawab itu. Mithalnya Ja-
batan Pelajaran ia-lah Jabatan
yang mengelolakan hal ehwal
Persekolahkan, Jabatan Pertan-
ian mengetahui segala aspek
perkembangan pertanian, chuk-
kai menyukai terhadap barang2
masok dan keluar pula di-ke-
lolakan oleh Jabatan Kastam
Di-Raja, Jabatan Kerja Raya
mengelolakan kerja2 yang ber-
thabit dengan projek2 pem-
bangunan saperti perumahan,
perayeran, jalannraya dan lain2,
dan demikian-lah sa-terus-nya.
Pada masa ini lebuh dari 50
buah pejabat telah tertuboh di-
negeri ini. Tiap2 pejabat itu
mempunyai Ketua Jabatan-nya
masing2, dan pegawai2 dan kaki-
tangan2-nya yang tertentu.
Lazimnya, Ketua Jabatan ini
ada-lah bertanggong - jawab
kapada Menteri Besar melalui
Setia Usaha Kerajaan. Bertu-
gas di-bawah Setia Usaha Ke-
rajaan pula beberapa orang pe-
gawai kanan ia-itu pegawai2
dari Perkhidmatan Pentadbiran
Brunei dan mereka ini di-
kenal sebagai Penolong2 Setia
Usaha; saperti Penolong Setia
Usaha Pentadbiran; Penolong
Setia Usaha Kemajuan, Penolong
Setia Usaha Kebajikan, Penolong
Setia Usaha Ekonomi dan sa-terus-nya.
Tiap2 Penolong Setia Usaha ini boleh-
lah di-sifatkan sebagai salor-
an di-antara jabatan2 yang ber-
kaitan dengan Setia Usaha Ke-
rajaan dan Menteri Besar. Bo-
leh di-katakan sa-akan2 semua
jabatan2 Kerajaan beribu pejabat
di-Bandar Brunei; tetapi bagi pejabat2 yang tidak mem-
punyai chawangan-nya di-Dae-
rah2, maka biasa-nya Pegawai
Daerah yang berkenaan-lah
bertugas sa-bagai wakil jaba-
tan2 itu.

3. Pejabat Perjawatan.

Saya tidak-lah berniat untuk
meneliti pergerakan2, susunan2
dan selok belok tiap2 Jabatan
Kerajaan yang berjumlah lebuh
50 itu kerana ini ada-lah me-
merlukan masa yang pan-
jang. Tetapi yang penting
sekali dalam bahagian Pen-
adbiran Awam ia - lah Pe-
jabat Perjawatan. Pada umum-
nya hal-ehwal perjawatan itu
ada-lah meliputi soal2 menem-
patkan pegawai2 di-dalam
lingkongan perkhidmatan, me-
menhi kekosongan2 dalam
perkhidmatan Kerajaan dan
soal pindah memindahkan pe-
gawai2 Kerajaan dari satu ja-
watan ka-jawatan lain jika ada

PENTADBIRAN AWAM

(SAMBONGAN)

Oleh: AWANG ABD. AZIZ UMAR AL-HAJ

keperluan untuk di-lakukan se-
demikian. Saperti yang awang2 dan dayang2 harus ma'alomi Pejabat Perjawatan ini ada-lah juga menguruskan lain2 perkara saperti perchutian, tam-
bang2 bagi pegawai2 Kerajaan, latehan2 dan tindakan2 ta-
ta-tertib. Menurut segala per-
utusan dan surat menyurat mengenai dengan perkara2 yang saya sebutkan itu memang-lah di-tujukan kapada Setia Usaha Kerajaan kerana Pejabat Perjawatan ini ada-lah sa-bahagian daripada Jabatan Setia Usaha Kerajaan itu. Tetapi soal2 prosis dan perkara2 lazim ada-lah di-selesaikan pada perengkat Pegawai Perjawatan sahaja. Lain2 perkara yang memerlukan pertimbang-

berjenis2 chara dan chorak. Jika semua-nya hendak di-pisi tentu sahaja akan menggunakan masa yang lebuh panjang. Untuk faedah kita hari ini memadai-lah saya rasa dengan menyatakan bahawa semua pegawai2 dan kakitangan2 Kerajaan yang di-ambil bekerja ada-lah menurut bilangan, jenis dan sharat2 yang terlebih dahulu telah di-luluskan oleh Kerajaan melalui Peruntukan tahunan-nya. Di-kechualikan dengan chara2 yang tertentu tetapi terhad, Jabatan2 Kerajaan semua sekali tidak boleh mengadakan atau menambah jawatan2 yang tidak termasok dalam Peruntukan Tahunan itu. Ini bererti tiap2 Jabatan Kerajaan hanya dapat memenuhi kekosongan2 yang telah di-maktubkan dalam Perunto-
kan tahunan atau "Budget". Jika kekosongan2 itu sudah penoh maka tidak-lah lagi ada pekerjaan atau jawatan yang dapat di-berikan pada sa-siapa pun.

Pada umum-nya, jawatan2 Kerajaan itu terbahagi kepada 4 bahagian besar, ia-itu:

1. Pegawai2 tetap
2. Pegawai2 kontrek
3. Pegawai2 bulanan
4. Pegawai2 gaji hari

Pegawai2 tetap ada-lah pada keselurohan-nya terdiri dari ra'ayat negeri ini dan biasanya mereka ini mempunyai hak2 untuk bersara. Walau bagaimana pun oleh kerana perkara2 yang tertentu ada juga sa-bahagian kecil daripada pegawai2 tetap ini yang bukan dari kalangan raayat negeri ini. Pegawai2 berkontrek pula ia-lah mereka yang di-datangkan dari luar negeri untuk berkhidmat selama satu tempoh yang tertentu seperti 2 atau 3 tahun, dan mereka ini berkhidmat di-bawah sharat2 yang telah di-atorkan. Sa-bagi dasar, perkhidmatan mereka itu hanya-lah di-perlukan sementara menunggu raayat negeri ini mendapat kelulusan, penge-
laman dan kesesuaian bagi memegang jawatan2 yang mereka pegang itu.

PEMBETULAN

DALAM renchana ini sedikit kesilapan telah berlaku pada keluaran minggu lepas di-bawah tajok "Majlis Mashuarat Di-Raja". Kesilapan itu berlaku pada ayat akhir dalam para pertama dari tajok tersebut. Ayat akhir yang berikut:

"Dalam bidang gelaran dan bintang2 kehormatan ini Ke-
bahaw Duli Yang Maha Mu-
lia ini pula mempunyai ahli2 yang berikut:", hendak-lah
di-baca:

"Dalam bidang gelaran dan bintang2 kehormatan ini Ke-
bahaw Duli Yang Maha Mu-
lia ada-lah di-nasihatkan oleh
Majlis Mashuarat Di - Raja.
Majlis ini pula mempunyai
ahli2 yang berikut:".

an2 yang lebuh serios biasa-nya ada-lah di-selesaikan melalui perundingan2 di-antara pehak Pejabat Perjawatan dengan Setia Usaha Kerajaan dan sa-terus-nya. Pindek kata, Pejabat Perjawatan itu senantiasa-lah menemui masa'alah2 yang di-hadapi bukan-lah satu perkara yang mudah; apatah lagi kerap kali masa'alah2 itu tidak di-liputi oleh sa-suatu peratoran. Ada-kala-nya tin-
dakan2 atau keputusan2 yang di-buat berchorak tidak begitu popular tetapi terpaksa di-
jalankan, kerana prosis pentadbiran mesti-lah di-laksana dan di-gerakkan pada setiap sa'at.

4. Pengambilan Pegawai.

Saya rasa selain dari reng-
kasian2 yang telah saya sebutkan
itu ada baik-nya kita menyentoh sedikit mengenai dengan pengambilan pegawai2 dan kaki-tangan2 Kerajaan. Prosis pengambilan ini memanglah satu perkara yang tidak mudah dan mempunyai

tempoh yang tidak lebuh dari satu tahun (Tetapi boleh di-
baharui) kerana masa'alah ke-
ra'ayatan-nya, tetapi semua-nya
boleh di-berhentikan dan ber-
henti dengan memberi notice
sa-lama satu bulan.

Bagi mereka yang bergaji
hari ada-lah biasa-nya, jika ada ke-kosongan dan kesesuaian,
di-lantek ka-gaji bulan apabila tempoh perkhidmatan-nya telah sampai kapada 10 tahun.

5. Perkhidmatan Pentadbiran

Jika awang2 dan dayang2 ti-
dak mengantok izinkan-lah saya menyebut sedikit perihal Pegawai2 dalam "Perkhidmatan Pentadbiran Brunei." Pegawai2 yang di-lantek sebagai Pegawai2 Perkhidmatan Pentadbiran atau kadang2 di-sebut sebagai "B.A.S." ia-lah satu lantekan khas kerana mereka ini boleh-lah di-sifatkan sebagai tulang belakang kapada keselurohan perkhidmatan Ke-
rajaan. Lazimnya mereka ini mempunyai champor tangan yang agak penting dalam prosis2 dan pembuatan dan perlaksanaan dasar. Dengan sebab itu-lah mereka ini terdapat di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan sa-bagai Penolong2 Setia Usaha yang saya sebutkan itu tadi, di-Jabatan Pelajaran, Perjawatan, Perubatan, Pejabat2 Daerah dan lain2 lagi. Pengambilan mereka ini hanya-lah terbuka kapada raayat negeri ini ia-
itu yang berbangsa Melayu, berugama Islam dan mempu-
nyai kelulusan2 dan kesesuaian2 yang tertentu; termasok-
lah kelulusan dalam Peperek-
saan Pentadbiran. Mereka ini sa-harus-nya-lah boleh di-tempatkan di-mana2 sahaja Jabatan bagi fa'eadah pentadbiran. Dalam pembahagian mereka ini biasa-nya di-samakan pe-
rengkat-nya dengan Ketua2 dan Timbalan Ketua2 Jabatan. Dengan sebab itu-lah kerap kali di-dengar sebutan "Ketua2 Jabatan dan Pegawai2 Pentad-
bir".

6. Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Tidak begitu sempurna rasanya sharahan ini jika tidak me-
nyentoh, walau pun hanya sa-
chara sambil lalu, sedikit sa-
banyak perihal Surohanjaya Perkhidmatan Awam kerana Surohanjaya ini-lah satu2-nya yang memainkan peranan yang amat penting dalam prosis pengambilan dan perkhidmatan pegawai2 Kerajaan, di-ke-
chualikan yang bergaji hari dan bergaji bulan dari "Per-
untukan Terbuka". Surohanjaya ini ia-lah sa-buah badan yang bebas, lantekan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, bagi tem-
poh lima tahun dengan sharat lanterkan itu boleh di-baharui.

ALLAH Subahanahu-wataala mengurnia-kan kapada kita nekmat2 yang tidak terhingga banyaknya dan sa-bahagian daripada gulongan manusia tidak bershu-kor di atas nekmat2 tersebut. Pengertian bershukor termasok-lah menggunakan nekmat2 itu pada tempatnya menurut ajaran Allah, seperti bagi yang berada menulung orang yang kurang bernasib baik.

Perkara ini di-nyatakan oleh Allah dalam firman-nya dalam surah Al-Malek ayat 23 yang ber-maksud:

"Katakan-lah, dia-lah (Al-lah) yang menjadikan kamu dan mengadakan untuk kamu pendengaran, penglihatan, perasaan dan fikiran, sedikit se-kali kamu bershukor".

Menyentoh perkara ini Abi Hurairah meriwayatkan baha-wasa-nya Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermak-sud:

"Sesunggoh - nya ada tiga orang dari piada gulongan bani Israel, sa-orang berpenyakit kulit, sa-orang kepala-nya botak (gondol tidak tumboh rambut) dan sa-orang mata-nya buta. Allah Subahanahu - wataala berkehendakan untuk menguji ketiga2 orang itu, maka di-utusnya-lah kapada mereka sa-orang malaikat. Mula2 malaikat itu menjumpai orang yang berpenyakit kulit seraya ber-kata, "Apa-kah yang paling tuan suka?".

Ia menjawab; "warna yang chantek, kulit yang lichen meng-hilangkan penyakit yang saya alami, yang menjadi sebab ke-benchanian orang kapada saya". Maka malaikat itu pun menyapu orang tersebut, hilang-lah penyakitnya berganti dengan warna yang chantek dan kulit yang lichen. Kemudian malaikat itu bertanya lagi, "**Harta apakah yang tuan suka?**". Jawab-nya "Unta". Maka malaikat itu pun memberi-nya unta yang sedang hamil, seraya berdo'a semoga Allah memberkati-nya. Kemudian malaikat itu menjumpai pula orang buta, seraya berkata, "Apakah yang paling tuan suka?". Jawab-nya, "Semoga Allah mengurniakan kapada saya peng-lihatan. Maka malaikat itu pun menyapu-nya dan kembali-lah penglihatan-nya. Kemudian malaikat itu bertanya lagi, "Harta apakah yang paling tuan suka?" Jawab-nya "Kam-bing". Maka malaikat itu pun memberi-nya kambing yang beranak.

Tahun berganti tahun, keti-ga2 orang itu telah menjadi kaya raya, masing2 dengan ternakan yang di-dapati-nya daripada malaikat itu. Pada suatu hari datang-lah malaikat itu dalam keadaan sa-orang yang berpenyakit kulit, menjumpai orang yang dahulu-nya yang berpenyakit kulit itu se-roya berkata, "Saya orang mis-kin dan melarat tiada punya harapan dalam pengembalaan saya, saya tiada harta untuk mencapai maksud saya, ke-chuali berharap kapada Allah kemudian kapada tuan, saya memohon kapada tuan sa-ekor binatang ternakan tuan untuk saya gunakan dalam pengembalaan saya". Orang itu menolak permohonan tersebut. Malaikat itu bertanya lagi, "Saya sa-akan2 kenal kapada tuan, bukankah tuan dahulu-nya berpenyakit kulit seperti saya, dan tuan di-ben-chi oleh orang, kemudian pe-nyakit itu di-sembohkan dan di-ganti dengan kulit yang li-chen dan chantek, bukankah tuan dahulu-nya sa-orang mis-kin dan melarat, kemudian di-kurniai dengan binatang ter-nakan hingga tuan menjadi ka-ya raya". Orang itu menjawab, "Dengan sombong-nya baha-

Kemudian malaikat itu men-jumpai orang yang botak pula seraya berkata "Apa-lah yang paling tuan suka?" jawab-nya "Rambut yang chan-tek yang boleh menghilangkan kegondolan kepala saya yang selama ini menjadi kebenchanian orang. Kemudian malaikat itu pun menyapu kepala-nya. Sa-ketika itu jua hilang-lah ke-gondolan kepala berganti dengan rambut yang chantek. Sa-sudah itu malaikat itu bertanya lagi, "Harta apakah yang tuan suka?" Jawab-nya, "Sa-pi". Maka malaikat itu pun memberi-nya sapi yang sedang hamil, seraya ber-do'a semoga Allah memberkati-nya. Kemudian malaikat itu menjumpai pula orang buta, seraya berkata, "Apakah yang paling tuan suka?". Ja-wab-nya, "Semoga Allah mengurniakan kapada saya peng-lihatan. Maka malaikat itu pun menyapu-nya dan kembali-lah penglihatan-nya. Kemudian malaikat itu bertanya lagi, "Harta apakah yang paling tuan suka?" Jawab-nya "Kam-bing". Maka malaikat itu pun memberi-nya kambing yang beranak.

wa harta ini ada-lah pusaka yang aku warithi daripada da-to nenek ku".

Kemudian malaikat itu ber-kata, "Kira-nya tuan sa-orang pembohong, maka Allah akan mengembalikan tuan kapada keadaan tuan dahulu".

Demikian-lah juga jawapan orang yang dahulu-nya botak dan gondol itu. Tetapi orang yang dahulu-nya buta mem-berikan jawapan yang lain de-nan mengakui bahawa ia me-mang dahulu-nya sa-orang yang buta dan Allah mengurniakan-nya ternakan menjadi kaya. Ia berkata, "Ambil-lah apa yang tuan suka dan ting-galkan yang mana tuan suka,

dengan nama Allah saya tidak-lah menyusahkan tuan, ker-a-na sa-suatu yang tuan ambil sa-mata2 kerana Allah". Maka malaikat itu pun berkata, "Pegang-lah dan pelihara-lah harta, bahawasa-nya kamu te-lah di-ujii dan tuan telah ber-jaya dalam ujian tersebut, te-tapi kedua2 sahabat tuan telah menerima kemurkaan Allah".

Demikian-lah keadaan sa-bahagian manusia, ada yang bershukor ka-atas nekmat Tu-han yang di-kurniakan kapada mereka dan ada pula yang sa-balek-nya. Semoga kita ter-masok ka-dalam gulongan yang bershukor itu dan mendapat keredhaan Allah.

BERSHUKOR ATAS NEKMAT YANG DI-KURNIAKAN ALLAH

KHUTBAH JUMA'AT

wa harta ini ada-lah pusaka yang aku warithi daripada da-to nenek ku".

Kemudian malaikat itu ber-kata, "Kira-nya tuan sa-orang pembohong, maka Allah akan mengembalikan tuan kapada keadaan tuan dahulu".

Demikian-lah juga jawapan orang yang dahulu-nya botak dan gondol itu. Tetapi orang yang dahulu-nya buta mem-berikan jawapan yang lain de-nan mengakui bahawa ia me-mang dahulu-nya sa-orang yang buta dan Allah mengurniakan-nya ternakan menjadi kaya. Ia berkata, "Ambil-lah apa yang tuan suka dan ting-galkan yang mana tuan suka,



Gambar atas menunjukkan Isteri Pegawai Daerah Belait, sedang menyampaikan perisai rebutan kapada Dayang Aminah binte Mohammad—johan qariah Daerah Belait. Dayang Aminah akan mewakili daerah itu ka-pertandingan membacah Quran perengkat akhir yang akan di-adakan di Bandar Brunei bulan depan. — Gambar BP/JHEU.

Perlwanan bola keranjang

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Bola Keranjang Bandar Brunei dan Kuala Belait - Seria telah meng-adakan mashuarat-nya baru2 ini untuk mengadakan satu perlwanan bola keranjang ter-sempena menyambut perayaan hari penukaran nama Bandar Brunei kapada Bandar Seri Begawan.

Perlwanan itu di-jadualkan bermula pada 10 Oktober di-Pusat Belia Bandar Brunei.

Sa-orang juruchakap itu ber-kata, tiap2 pekan akan meng-hantarkan satu pasukan lelaki dan satu pasukan wanita.

Pemenang2 dalam perlwanan itu akan mewakili Brunei ka-perlwanan bola keranjang antara wilayah melawan paso-kan Sabah dan Sarawak.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 23 Sept. 1970 hingga ka-hari Selasa 29 Sept. 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari							
	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
23 Sept.		12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
24 Sept.		12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
25 Sept.		12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
26 Sept.		12-18	3-36	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08
27 Sept.		12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08
28 Sept.		12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-03
29 Sept.		12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

23hb. September 1970.

KEMERDEKAAN TIDAK TIMBUL

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah menjelaskan kedudukan perundingan2 di-London antara Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Kerajaan British bahawa dalam perundingan2 itu telah tidak timbul soal kemerdekaan bagi Brunei.

Kedudukan yang sabenar-nya kenapa tidak timbul soal kemerdekaan bagi Brunei dalam perundingan2 di-London itu ada-lah berpuncak kepada keadaan Brunei sendiri sejak perlumbaan bertulis di-istihsarkan dalam tahun 1959 yang sahara langsung telah membolehkan Brunei bergerak dengan sendiri-nya mengikut sharat2 dalam perlumbaan itu.

Sabenar-nya Brunei sudahpun merdeka dan sama sekali tidak di-jajah oleh mana2 pihak pun, hatta oleh Kerajaan British. Kata pemutus dalam segala hal ada-lah tetap di-tangan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang menjadi kepala pemerentah baik dalam bidang ekonomi, sosial dan politik.

Brunei ada-lah bebas membuat perhubungan2 dengan negara2 luar dengan melalui saloran2 yang tertentu atas segala hal yang difikirkan-nya boleh menimbulkan kebaikan untuk mencipta kemajuan yang lebih pesat.

Perhubungan Brunei dengan Kerajaan British hanya-lah se-kadar dari segi pertahanan di-samping bantuan2 yang lain seperti mengharapkan petunjuk2 yang bersesuaian dengan perkembangan dunia antara bangsa di-segi pelaksanaan pentadbiran di-negeri ini. Kedudukan Surohanjaya British di-Brunei ada-lah untuk menasihatkan Brunei di-segi taktik perhubungan2 antara bangsa yang juja termasok dalam kelimat perlaksanaan pentadbiran yang lebih teritor. Dengan kata2 yang lain bahawa Surohanjaya British itu ada-lah sa-bagai guru kapada Brunei dalam segi2 yang di-sebutkan itu. Kerana itu, apabila Brunei mengambil satu2 keputusan yang bersifat antara bangsa, maka Brunei berkehendakkan nasihat2 dari British.

Sa-bagai sa-buah negara yang kecil, maka Brunei memerlukan perlindungan pertahanan dari kerajaan British. Hal ini bukan hanya berlaku katanya Brunei sahaja, bahkan kapada sa-bilangan besar negara2 lain yang sudahpun mengishtiharkan dan merayakan hari2 kemerdekaan mereka. Tentera2 British yang berada dalam negeri yang sudah merdeka termasok Brunei sama sekali tidak dapat di-artikan yang negeri2 itu di-bawah jajahan British tetapi sebaliknya tentera2 itu hanya-lah bertindak sa-bagai perintong jika ketenteraman dan keamanan negeri itu di-ancam.

Saol kemerdekaan bagi Brunei tidak timbul, Brunei ada-lah sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat kerana jika tidak bagaimana-kah ia boleh meneruskan perjanjian persahabatan mengenai pertahanan dan keselamatan dengan sa-buah negara lain yang juga merdeka dan berdaulat.



Cpl. Roger menang perlumbaan jalan kaki

BANDAR BRUNEI. — Cpl. Awang Roger Egan Raja dari pasukan Pulus Di-Raja Brunei telah memenangi perlumbaan jalan kaki bagi seorang yang di-anjorkan oleh Kelab Rotary Bandar Brunei yang telah di-adakan pada hari Ahad lepas.

Tempat kedua ia-lah P. C. Asan Anak Layang dan pemenang ketiga Private Johan bin Bakar.

Sementara pasukan Pulus Di-Raja Brunei telah mendapat tempat pertama dalam bahagian berpasukan, kedua Askar Melayu Di-Raja Brunei dan pemenang ketiga pasukan Chartered Bank.

Pemenang2 perseorangan telah di-hadiahkan tambang perchuma kapal terbang ulang alek, di-samping lain2 hadiah.

Pemenang pertama menerima tiket perchuma ka-Singapura dan balek, kedua menerima tiket kapal terbang ka-Kuching dan pemenang ketiga menerima tiket perchuma ka-Kota Kinabalu.

Lebih dari 100 orang peserta telah mengambil bahagian dalam perlumbaan sa-jauh 10 batu yang di-anjorkan oleh Kelab Rotary untuk mengutip derma biasiswa kelab tersebut.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair telah menyampaikan hadiah2.

Gambar paling atas menujukkan sa-bahagian dari peserta2 yang mengambil bahagian ketika hendak memulakan perlumbaan. Gambar atas kiri ia-lah Cpl. Awang Roger, pemenang pertama dalam bahagian perseorangan.

Pertandingan Al-Quran anjoran PERKASA

BANDAR BRUNEI. — Persatuan PERKASA Kampong Saba menganjorkan pertandingan membacah Quran, bersama menyambut Isra' dan Mi'raj pada 15 dan 16 Oktober hadapan.

Setia Usaha pertandingan, Haji Awang Damit bin Haji Kawang ketika menyatakan perkara ini berkata, pertandingan itu hanya terbuka kepada pelajar2 kelas dewasa di-Daerah Brunei Muara dan akan dibagikan kapada dua bahagian — lelaki dan perempuan.

Beliau berkata, pertandingan Azan juga akan di-adakan yang mana ada-lah hanya terbuka kapada persatuan2 belia di-Daerah Brunei Muara.

Borang2 untuk menyertai pertandingan2 tersebut boleh di-dapat dari sekarang dan borang2 yang telah di-isikan hendak di-kembalikan kapada Setia Usaha Pertandingan tidak lewat dari 12 Oktober, jam 4.00 petang.

PERLUMBAAN GO-KART

BERAKAS. — Kelab Moto Di-Raja Brunei telah mengadakan perlumbaan go-kart di-Khemah Berakas pada hari Ahmad lepas.

Keputusan perlumbaan ada-lah seperti berikut:

Bahagian perempuan lebuh 10 pusingan:— Pertama-Jane West, kedua — Benda Ray dan ketiga Christine McKenna.

Perlumbaan 20 pusingan:— Pertama-Suresh Janardanan, kedua — Kapten F. Ray dan ketiga-Bill Drew.

Perlumbaan 30 pusingan terbuka:— Pertama-Major H. Marshall kedua Leftenan Nick Cann dan ketiga George Sweetland.

Perlumbaan 40 pusingan terbuka:— Pertama-Lt. Abdul Rahman Mustapha, kedua — Ian McKenna dan ketiga — Suresh Janardanan.

Masa perjalanan menunaikan haji bertambah

BANDAR BELAIT. — Masa perjalanan bakal2 haji Brunei pergi/balek menunaikan faridhu Haji dengan kapal laut tahun hadapan ada-lah bertambah satu bulan tujuh hari dari pada tahun2 yang lalu yang hanya memakan masa sa-lama tiga bulan.

Sa-orang juruchakap di-Baghian Haji Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata tambahan masa itu di-sebabkan jadual

pelayaran kapal2 Haji Malaysia juga bertambah dari empat pelayaran tahun lalu menjadikan lima pelayaran pada tahun hadapan.

Bakal2 Haji yang pergi dengan kapal laut itu di-jadualkan bertolak dan Brunei pada 2 Disember.

Bakal2 Haji yang pergi dengan kapal terbang di-jadualkan bertolak awal tahun hadapan dan mereka ada-lah juga

di-kehendaki supaya membuat British Passport dari sekarang.

Juruchakap itu menyeru bakal2 Haji yang pergi dengan kapal laut yang belum lagi menielaskan bayaran Pas2 Haji sebanyak \$15.00 tiap2 sa-orang hewjak - lah menverahkan wang itu ka-Pejabat2 Ugama di-Bandar Brunei, Kuala Belait, Tutong dan Temburong dengan seberapa segera tidak lewat pada hari Isnin 28 September ini.

BANDAR Brunei menjadi Bandar Seri Begawan pada 4hb. Oktober, 1970 bagi menghormati bekas Sultan dan Yang Di-Pertuan, Duli Yang Teramat Mulia Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin yang telah memilih gelaran Paduka Seri Begawan Sultan, Pegawai Akhbar Kerajaan, Awang Mustapha bin Yusof, dengan kerjasama Awang Ahmad bin Arshad, Pengarang Akhbar Rasmi Kerajaan, dalam rentong nasib Bandar Brunei dari sa-buah kota yang mengandungi lebih 100,000 orang penduduk dari 25,000 keluarga yang di-anggar-kan dalam tahun 1521 kapada sa-buah kampong 7,625 orang 400 tahun kemudian dan sa-lepas itu membesar sa-mula menjadi

sa-buah kota yang mewah dan mengandungi banyak bangunan2 yang indah dalam masa 17 tahun Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan menduduki takhta kerajaan.

Renchana ini juga membincangkan niat dan chita2 Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, arkitek Brunei moden yang harapan dan ranchangan2-nya untuk memajukan Brunei bagi faedah raya sekarang terletak di-tangan pengganti-nya, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang telah berikrar akan menjalankan dasar2 yang telah di-asaskan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.



LATAR BELAKANG:

PENUKARAN NAMA BANDAR BRUNEI

KAPADA BANDAR SERI BEGAWAN

BANDAR BRUNEI, ibu kota Negeri Brunei menjadi Bandar Seri Begawan pada 4hb. Oktober, 1970. Penukaran nama itu di-shorkan dan di-chadangkan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sa-bagai menghormati paduka ayahanda baginda bekas Sultan dan Yang Di-Pertuan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin yang telah memilih gelaran Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

Duli Yang Teramat Mulia Sir Muda Omar Ali Saifuddin telah menjadi Sultan dan Yang Di-Pertuan selama 17 tahun dan tarikh menamakan semula Bandar Brunei itu telah dipilih supaya bersempena dengan tarikh ulang tahun ketiga Duli Yang Teramat Mulia itu turun dari singgahsana takhta kerajaan pada 4hb. Oktober, 1967.

Keinginan baginda Sultan hendak memberi kehormatan kepada ayahanda baginda dengan mengabadikan namanya kepada ibu kota negeri ini merupakan penglahiran tanda junjung kaseh yang tiada tolak banding-nya dari sa-orang anak kepada ayah-nya yang mana dalam pemerintahan ayahanda baginda Bandar Brunei mengalami perkembangan dari sa-buah bandar yang penoh dengan runtohan2 bangunan akibat serangan udara di-hujung perang Pasifik tahun 1941-1945 kapada sa-buah bandar yang terator mengandungi beribu2 orang penduduk.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan pernah pada satu ketika membayangkan penghormatan yang belum pernah di-lahirkan terhadap Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan semasa melafazkan ikran dari singgahsana atas penerimaan pertabalan baginda pada 5hb. Oktober 1967 ketika mana baginda berjanji akan menjalankan dasar2 paduka ayahanda baginda.

Baginda bertitah: "Beta akan berusaha pada menjalankan dasar2 paduka ayahanda dan akan sentiasa memelihara keamanan, ketenteraman, dan laila usaha bagi kemaamoran negara serta nama baik Negeri Brunei."

Sememangnya - lah bahawa keamanan dan ketenteraman ada-la sentiasa menjadi hasrat dan chita2 Paduka Seri Begawan yang melebihi dari segala2-nya semasa Duli Yang Teramat Mulia itu menjadi Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Pengumuman rasmi yang dibuat dalam bulan Ogos lalu oleh Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail bahawa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah menitahkan supaya Bandar Brunei di-namakan semula kapada Bandar Seri Begawan telah di-sambut baik dengan perasaan keshukuran di-seluruh negeri. Raya segera menubahkan badan2 dan jawatankuasa2 di-segala perengkat bagi membuat ranchangan untuk merayakan peristiwa yang tiada persamaan-nya dalam sejarah ibu2 kota di-dunia ini.

Washington di-Amerika Sharikat telah di-bena bagi me-

ngelakkan perselisihan antara wilayah2 di-negara itu yang berebut menawarkan tempat bagi di-jadikan ibu kota. Canberra di-Australia hampir serupa juga kerana Melbourne dan Sydney sama2 menuntut supaya di-jadikan ibu kota bagi negeri baru Commonwealth Australia. Baru2 ini pula Brasilia, ibu kota Brazil telah di-bena atas alasan yang sa-akan2 sama.

Berhampiran dengan Brunei pula, Jesselton di-Sabah telah menjadi Kota Kinabalu tetapi atas sebab yang berlainan dari penukaran Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan. Di-Malaysia sa-buah ibu kota. Shah Alam, sedang di-bena bagi menamatkan dua peranan yang di-mainkan oleh Kuala Lumpur sa-bagai ibu kota Persekutuan Malaysia dan juga ibu kota negeri Selangor.

Sunggoh pun Bandar Seri Begawan tidak akan di-ketemu dalam peta2 dan atlas2 dunia hingga yang ada sekarang di-baharu dan di-chetak. Bandar Brunei atau pendek-nya Brunei sa-bagai Bandar Seri Begawan ia-la sa-buah bandar yang tertua di-rantau ini. Sejarah-nya ada-la sejarah Negeri Brunei dan Brunei ada-la salah sa-buah negara yang tertua sekali di-Tenggara Asia.

Brunei telah ujud lebeh dari 1,500 tahun kerana sejarah China bagi kurun ke-enam dan ketujuh ada menyebut tentang Brunei. Brunei di-katakan telah menjadi sa-buah jajahan taklok China dan mulai menghantar ufti ka-negeri tersebut dalam tahun 518 Masehi.

Dari sa-buah bandar yang mengandungi rumah2 papan yang beratapkan nipah, ia-itu

Gambar wajah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin.

keperibadian seni bentuk bangunan Melayu dari zaman kuno dan di-bena pada keseluruhan-nya di atas permukaan ayer, Bandar Brunei telah merebak ka-tebing sungai sebagai mengikut langkah sa-orang Sultan yang telah membina istana-nya di-darat dalam tahun 1909 dan membuka beberapa bidang tanah di-belakang istana itu.

Bagaimana pun kemajuan perpindahan ka-darat tidak-lah begitu pesat akibat dari fahaman lama penduduk2 yang tidak begitu mudah menerima perubahan dan juga pendirian kaum lelaki yang memberikan perhatian terhadap kemahuan kaum perempuan. Sikap ini dengan jelas-nya di-nyatakan dalam sa-buah laporan rasmi bagi tahun itu sebagai berikut:

"Walau pun mereka mengakui yang mereka akan lebih senang tinggal di-darat di-mana mereka dapat berchuchok tanam dan memelihara ternakan, tetapi mereka enggan memutus jaringan adat yang mengikat mereka kapada kehidupan se-paroh di-darat dan se-paroh di-ayer itu.

"Kaum perempuan merupakan penghalang yang besar.

"Kebanyakan kaum lelaki berkata mereka sanggup pindah hanya sekira-nya isteri2 mereka memberi kebenaran mereka berbuat demikian."

Perkembangan Bandar Brunei kapada sa-buah bandar kembar yang terdiri dari rumah2 di atas ayer dengan perahu2 sebagai alat pengangkuhan dan rumah2 kedai di-darat (Lihat muka 6)

ada-lah merupakan satu kemudahan pertadbiran kapada Resident British yang pertama di-tugaskan ke Brunei berikut dengan penanda tanganan perjanjian tahun 1905/1906 dengan Britain yang mana menjadikan Brunei sebagai sa-buah negeri naungan British.


Tuan M.S.H. McArthur yang memegang jawatan tersebut dalam tahun itu telah menasihatkan supaya ibu kota negeri dipindahkan dari ayer ke-darat atas tebing kanan sungai dan jangan di-galakkan bangunan2 baru di-bina di-ayer. Keputusan memindahkan ibu kota ke-darat telah juga membawa kepada layanan yang berasingan dari segi pentadbiran dan perkembangan terhadap bahagian baru dan lama ibu kota itu. Bahagian baru menjadi Bandar Brunei dan bahagian lama dengan kehilangan kepentingan-nya, lama kelamaan dikenal sebagai Kampong Ayer Akhir-nya dua buah bandar ini menjadi bahagian yang berasingan dengan Kampong Ayer di-tadbirkan oleh Pegawai Daerah dan Bandar Brunei oleh Pengerusi Majlis Bandaran.

Perkembangan Bandar Brunei yang pada asal-nya di-uraikan oleh McArthur sebagai sa-buah "kampong di-darat dengan alat2 kemudahan kesihatan" ada-lah merupakan satu zaman gemilang dari kejayaan agong mengenai dasar2 yang ditentukan oleh Paduka Seri Begawan dalam pembangunan negeri ini.

Sebelum perang Pasifik terchetus dalam bulan Disember, 1941, 35 tahun sa-lepas McArthur memikirkan rancangan "kampong di-darat" ini Bandar Brunei hanya merupakan sa-buah pekan yang mempunyai sa-batang jalan raya dengan rumah2 papan yang beratapkan nipah, dan dapat juga membanggakan sa-buah pangong wayang yang di-bina dalam tahun 1923 juga dari papan untuk memberikan hiburan di-waktu malam.

Malang-nya semua kedai2 itu termasok pangong wayang dan sa-buah rumah sakit baru telah habis musnah akibat serangan bom pehak Bersekutu dalam tahun 1944 semasa chuba menghalau tentera Jepun yang telah menaklok negeri ini dan menduduki Bandar Brunei sa-lepas enam hari mendatar di-Kuala Belait, 67 batu jarak-nya pada suboh2 16hb. Disembar, 1941.

Paduka Seri Begawan telah menaiki takhta kerajaan dalam bulan Jun, 1950. Dalam tahun2 awal pemerentahan-nya rancangan pertama pembangunan negara telah di-laksanakan dan di-antara-nya ia-lah membina semula Bandar Brunei



Gambar pemandangan Bandar Brunei dan sa-ba hagian daripada 1960han di-ambil dari udara.

Kampong Ayer dalam tahun

Tahun2 awal dalam pemerentahan Paduka Seri Begawan

Seri Begawan

nei sebagai sa-buah bandar yang terator dengan jalan2 raya yang di-tambah dengan tar serta juga lain2 kemudahan moden.

Perbelanjaan telah di-sediakan oleh kerajaan dan tidak berapa lama kemudian rumah2 batu lama menggantikan rumah2 papan yang di-dirikan di atas tapak2 kedai yang di-bom itu.

Projek2 di-bawah rancangan pertama pembangunan itu termasuk pembinaan sekolah2, pengluasari perkhidmatan perubatan, kemajuan pertanian dan pembinaan jalan2 raya. Kesemua projek2 dalam rancangan itu telah siap mengikut jadual kecuali pembinaan jalan2 raya.

Menjelang tahun 1958, Bandar Brunei dapat berbangga dengan bangunan2 besar serta indah, seperti pejabat2 kerajaan, Istana Darul Hana, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Jabatan Kastam, Pejabat Besar Pos, Mesjid Omar Ali Saifuddin dan sa-buah hotel kelas satu.

Mesjid itu telah menjadikan Brunei sebagai sa-buah negara Islam yang terkemuka di-dunia. Ia-nya merupakan satu simbol tentang kepatuhan rakyat Brunei kepada ugama Islam serta juga kelahiran chita2 Paduka Seri Begawan bawa kekayaan negeri ini bukan semata2 mesti di-gunakan untuk kemajuan material ra-

yat negeri bahkan mesti-lah juga di-gunakan untuk memperkuatkan keperchayaan rakyat terhadap ugama Islam.

Mesjid yang di-reka mengikut seni bentuk bangunan tradisi Islam itu terletak di atas sabidang tanah yang di-tambah di-tebing sungai. Tinggi minara-nya ia-lah 144 kaki 7 inci sambil kobah-nya ada-lah 17 inci lebih tinggi yang mana merupakan benaan yang tertinggi sekali di-ibu kota ini. Mesjid itu telah di-buka pada 26hb. September, 1958.

Hampir kesemua bahan2 yang di-gunakan dalam pembinaan mesjid itu telah di-impor. Batu pejal dari Hongkong, batu marmar untuk lantai dan dinding dari Itali dan lampu chandelier yang telah di-reka oleh Paduka Seri Begawan semasa Duli Yang Teramat Mulia merancangkan mesjid itu sa-lepas sahaja menaiki takhta telah di-buat di-England. Pin-tu2 gangsa yang chantek bentuk-nya serta juga ayat2 Koran yang terukir pada gangsa itu telah di-buat di-England juga.

Keinginan Duli Yang Teramat Mulia itu supaya sekolah di-bina di-tiap2 kampong yang mempunyai chukup kanak2, walau pun untuk sa-buah darjah yang kecil telah menghasilkan faedah. Kanak2 lelaki dan perempuan yang menghadiri sekolah2 tersebut dalam awal tahun2 pemerentahan

an-nya sekarang berkhidmat di-pelbagai bahagian perkhidmatan awam, ramai dari-nya mempunyai kelulusan profesional sebagai pentadbir, doktor, jurutera dan guru.

Buta huruf boleh di-katakan telah dapat di-benteras menerusi kelas2 dewasa yang di-buka di-tiap2 kampong dan bandar di-negeri ini.

Bandar Brunei tentu-lah memainkan peranan utama sebagai pusat pendidekan bagi melayakkkan penuntut2 yang masih muda pergi ka-seberang laut untuk menuntut ilmu professional. Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin yang memakai nama Paduka Seri Begawan mempunyai kelas pre-universiti dan terdapat juga sa-buah maktab perguruan yang bahasa penghantar-nya Inggeris dan Melayu bagi guru2 yang akan mengajar di-seluruh negeri.

Di-zaman pemerentahan Paduka Seri Begawan terdapat juga kemajuan yang pesat dalam pendidekan ugama Islam dan sa-buah maktab untuk melaikh guru2 bagi sekolah2 ugama di-bina di-Bandar Brunei.

Islam mempunyai tempat yang istimewa di-Brunei. Sungoh pun Islam menjadi ugama negara dan bilangan pengikutnya jika di-bandingkan dengan pengikut lain2 ugama yang di-amalkan dalam negeri ini ada-lah terbesar sekali tetapi Paduka Seri Begawan sa-bagi Raja yang kuat beribadat menghor-mati lain2 ugama dan telah memberi jaminan dalam perlombagaan yang di-ishtiharkan-nya dalam tahun 1959 bahawa "lain2 ugama boleh di-amalkan dengan sempurna dan aman oleh pengikutnya di-negeri ini."

Pelaksanaan projek2 untuk kebajikan raayat

Kejayaan yang gemilang telah tercapai dalam bidang kesihatan yang terbit dari kehendak Paduka Seri Begawan bahawa perkhidmatan perubatan hendak-lah terkandong dalam rancangan pembangunan.

Satu kempen penghapusan malaria telah di-lancharkan dalam tahun 1953 dan tidak lama selepas itu maka kejadian penyakit itu telah berkurangan dari 3,875 kejadian pada tahun itu kapada 41 dalam masa 5 tahun. Penyakit malaria boleh dikatakan telah hapus di-Brunei dan satu dua kejadian yang telah di-kesan dalam kempen yang maseh di-teruskan itu bukanlah berpuncanya dari dalam negeri bahkan di-bawa oleh pekerja2 dari luar negeri yang sudah mengidap penyakit itu sebelum mereka tiba di-negeri ini.

Sungoh pun Brunei dengan kawasan-nya seluas 2,226 batu persegi itu ada-lah antara negara2 yang kecil di-dunia tetapi pada abad yang ke-16 ia-nya ada-lah sebuah kerajaan yang besar dengan pemerintahan-nya meliputi seluruh pulau Borneo dan pulau2 yang berhampiran dengan-nya.


Pigafetta, sa-orang ahli sejarah Itali yang menyertai Magellan dalam pelayaran-nya mengelilingi dunia telah singgah di-Brunei dalam tahun 1521 dan mencheritakan keindahan istana Sultan dan menaksirkan "bandar yang kese-

luohan-nya di-bena di atas ayer itu mengandungi penduduk seramai 25,000 keluarga."

Hari ini Bandar Brunei dan Kampong Ayer tidak mengandungi keluarga seramai itu tetapi penduduk-nya telah bertambah dengan cepatnya sejak perkhidmatan perubatan di-perluaskan oleh Paduka Seri Begawan. Sa-telah kuasa Brunei merosot Kampong Ayer juga merosot menjadi sa-buah kampong dengan 7,625 penduduk atau dua per lima dari jumlah penduduk negeri dalam tahun 1921. Kemudian Kampong Ayer berkembang semula dan hari ini menjadi kampong bagi 19,249 orang penduduk. Bandar Brunei yang mempunyai hanya 23 buah kedai dalam tahun 1911 berkembang menjadi sa-buah bandar yang mempunyai kedai2 yang bertingkat2 dan bangunan2 yang tinggi dengan penduduk-nya di-anggarkan berjumlah 30,000 orang.

Kenaikan bilangan penduduk telah mengejut dalam masa Paduka Seri Begawan memegang tampok kerajaan. Jumlah kematian bayi yang tinggi itu telah dapat di-kurangkan dan dengan ada-nya perkhidmatan kesihatan luar bandar maka berkang-lah pula kadar kematian bayi yang sebelum itu berjumlah 40% dari kadar kematian pada tiap2 tahun di-Brunei.

Paduka Seri Begawan chukup sedar bahawa chara2 pertanian yang di-usahakan oleh kaum



Mesjid Omar Ali Saifuddin yang telah di-buka dengan rasmi-nya dalam tahun 1958.

tani di-negeri ini tidak dapat memchukupi makanaan bagi keperluan penduduk2 yang semakin ramai di-Bandar Brunei dan Kampong Ayer. Paduka Seri Begawan telah menggalakkan chara2 berchuchok tanam menurut chara moden dan sistem parit dan tali ayer juga di-anjorkan -nya. Paduka Seri Begawan telah memerentahkan supaya di-adakan pengkajian teliti mengenai jenis2 tanah yang kemudian-nya telah di-jalankan oleh sa-buah sharikat consultant Hunting Technical Service bersaingan dengan nasehat sa-orang pakar penggunaan tanah dari Pertubuhan Pertanian dan Makanan Bangsa2 Bersatu.

Keputusan pengkajian itu mengenai bahan2 pertanian dan kehutanan sedang di-kaji bagi menentukan kemungkinan2-nya sebelum mengadakan

rancangan2 serta projek2 untuk perkembangan ekonomi.

Bagi menjamin supaya barang2 makanan yang perlu ti-dak berkurangan Paduka Seri Begawan telah menitahkan supaya tambatan di-besarkan agar lebih banyak lagi kapal2 besar datang membawa barang2 makanan seperti beras, garam dan gula dan juga bahar2 yang perlu untuk pelbagai projek di-bawah rancangan kemajuan itu. Paduka Seri Begawan telah menubohkan satu sistem simpanan barang2 dan sekarang setor2 negara meng-andongi barang2 bekalan yang perlu untuk sa-tahun.

Paduka Seri Begawan juga memerentahkan supaya landasan terbang waktu perang dekat Bandar Brunei di-luaskan dan pembinaan sa-buah bangunan untuk penumpang bagi memulakan perhubungan melalui udara sa-chara lebih lekas lagi dengan lain2 negara.

Perhubungan sa-chara deras ini akan bertambah chekap apabila pelabuhan ayer dalam di-Muara dan lapangan terbang baru antara bangsa yang mempunyai landasan sa-panjang 12,000 kaki dekat Bandar Brunei siap di-bena tidak lama lagi.

Kedua2 projek itu ada-lah sebahagian dari rancangan kemajuan yang kedua yang di-adakan oleh Paduka Seri Begawan dan di-rumuskan dalam tahun 1962.

Tujuan utama rancangan itu ia-lah untuk mengadakan ekonomi yang beraneka rupa, menambah pendapatan se-saorang, perhubungan baik antara buroh dengan majikan, perkhidmatan awam yang lengkap, tenaga kuasa yang memchukupi, perkembangan seni kebudayaan dan menggalak serta memajukan perusahaan2 private.

(Lihat muka 8)



Gambar pemandangan Bandar Brunei dan Kampong Ayer dalam tahun 1947.

Kebanyakan projek2 di-bawah ranchangan kemajuan kedua itu telah di-laksanakan atau hampir siap. Sa-buah mu-zium telah di-dirikan untuk menempatkan rekod dan be-kas2 yang merupakan adat resam Brunei.

Orang2 tua dan orang2 yang tidak berdaya upaya di-Brunei ada-lah antara orang2 yang untung sekali di-dunia. Sejak tahun 1955 tiap2 orang yang tinggal di-negeri ini mendapat penchen tua ia-itu pemberian dari kerajaan tanpa membuat sumbangan apabila umor mereka meningkat ke-60 tahun. Orang2 buta dan orang2 yang chachat anggota di-beri aloan menurut keadaan bagi perbelanjaan keluarga masing2.

Dewan Bahasa dan Pustaka yang di-tugaskan untuk memperkembangkan bahasa Melayu, ia-itu bahasa rasmi dan kebangsaan Brunei, baru2 ini telah memperluaskan perkhidmatan-nya dengan mengadakan perpustakaan bergerak untuk menyebarkan pengetahuan ka-kawasan2 pendalam.

Kebajikan raayat di-anggap penting oleh Paduka Seri Begawan di-bawah ranchangan memajukan negara. Selain dari menggalakkan penanaman modal sa-chara private dalam pembinaan rumah, Paduka Seri Begawan juga menyediakan peruntokkan supaya raayat yang berkhidmat dengan kerajaan boleh meminjam wang dengan sharat2 yang mudah untuk mendirikan rumah masing2.

Orang2 Brunei lazim-nya pandai berenang dari kecil lagi di-sebabkan perkaitan mereka dengan Kampong Ayer, warisan mereka itu. Paduka Seri Begawan sangat menghargai kechenderongan kapa-da sokan berenang ini dan apa-bila sa-buah stadium komplek mula di-bena dalam tahun 1965 kerana menggalakkan olah raga dan sukan di-kalangan penduduk, Paduka Seri Begawan menitahkan supaya ketamaan di-berikan kapada pembinaan kolam berenang supaya mereka yang telah pin-dah ka-darat itu terus bukan sahaja menikmati kesukaan berenang tetapi meninggikan mutu kebolehan mereka kapa-da kelayakan yang di-kehendaki bagi menyertai sukan renang antara bangsa.

Kolam mandi itu telah di-be-na mengikut darjah antara bangsa untuk berenang, ter-jun, dan polo ayer. Ia mem-punyai enam lorong dengan di-sudahi oleh batu marmar ber-kilat. Ayer-nya sentiasa berasih dan menyegarkan menerusi proses sa-buah jentera penapis dan banchohan ubat.

Duli Yang Teramat Mulia juga tidak mengabai2kan ke-

TERBANTUT-NYA CHITA2 MEMBERIKAN KUASA PEMERENTAHAN KAPADA RAAYAT

pentingan belia Brunei supaya benar2 merupakan satu angka-ton yang menjadi harapan bangsa dan negara. Galakan2 yang sewajar-nya harus di-be-rikan dan kerana itu Duli Yang Teramat Mulia mengarahkan supaya di-bena sa-buah Pusat Belia dengan kelengkapan2 yang moden yang sekarang tersergam bertentangan dengan bangunan Lapau.

Selama 17 tahun Paduka Seri Begawan di-atas singgahsana kerajaan, Bandar Brunei telah berkembang kapada sa-buah bandar yang mengandungi ba-yak bangunan2 indah dan yang teristikewa sekali ia-lah mesjid. Dewan Majlis Meshuarat Negeri dan dewan Majlis Meshuarat Menteri2 sekarang bertempat di-bangunan baru

jayaan sa-bagi arkitek yang meranchangkan pembangunan Brunei dari sa-buah negeri yang mundur kapada sa-buah negara yang membangun, mulai2 sebagai sa-orang Raja yang berkuasa mutlak dan dari ta-hun 1959 sebagai sa-orang Sultan berperlembagaan, namun demikian Duli Yang Teramat Mulia itu maseh tetap dengan kesederhanaan-nya. Duli Yang Teramat Mulia tetap patuh kapada ugama-nya, kaseh sa-yang terhadap keluarga, raayat dan negara.

Salah satu dari chita2 dalam zaman pemerentahan-nya ia-lah memberi kuasa pemerentahan kapada raayat dan bagi mencapai chita2 itu Paduka Seri Begawan telah menamatkan pemerentahan tradisi seba-



Bangunan Lapau dan Dewan Majlis, salah sa-buah bangunan yang terindah di-Bandar Brunei.

Dewan Majlis dan di-sebelahnya pula ia-lah bangunan baru Lapau.

Perasaan chinta Paduka Seri Begawan terhadap keamanan boleh terdapat simbul-nya dalam ranchangan dewan peringatan Sir Winston Churchill, pemimpin British di-waktu pe-rang dulu yang telah berjuang bermandikan keringat, darah dan ayer mata menentang pencherobohan Jerman un-to-k memulehkan keamanan. Komplek bangunan yang be-sar itu di-reka bagi menam-pong sa-buah aquarium, sa-buah perpustakaan rujuk dan sa-buah dewan pameran bagi mempamerkan barang2 dan bahan2 warisan dari zaman dahulu kala yang mem-punyai perhubungan sejarah dan kebudayaan Brunei.

"Walau pun Paduka Seri Begawan telah mencapai ke-

gai Raja yang berkuasa mutlak dengan memberikan negara sa-buah perlembagaan bertulis pada 29hb. September, 1959.

Tetapi orang2 yang di-duga duduk bersama-nya dalam majlis2 meshuarat negara tidak bagitu matang dalam bidang politik. Mereka telah menyalah ertikan jaminan Paduka Seri Begawan bahawa kemajuan politik di-bawah demokrasi berparliamen mestilah berge-rak mengikut langkah2 terator. Sebalek-nya mereka telah men-sifatkan jaminan itu sebagai sa-tu kebenaran untuk merampas kuasa dengan kekerasan.

Penderhakaan pada 8hb. Di-sembar, 1962 itu merupakan sa-tu pengalaman sedeh terhadap ranchangan Paduka Seri Begawan hendak meujudkan pemerentahan berparliamen di-Brunei kerana dengan itu Majlis

Meshuarat Negeri terpaksa di-bubar dan fasal2 dalam perlembagaan mengenai pilihan raya terpaksa di-gantongkan. Duli Yang Teramat Mulia telah menguatkuasakan perjan-jian persahabatan dengan Bri-tain dan dengan segera telah mematahkan penderhakaan itu, namun Paduka Seri Begawan tetap dengan perasaan belas ehsan. Dalam uchapan titah-nya menerusi radio ketika merayu kapada penderhaka2 supaya menyerah diri Duli Yang Teramat Mulia itu ber-tilat:

"Beta akan memberi peng-ampunan kapada tuan2 yang benar sedar dan insaf serta bertaubat kapada Allah dan pada fikiran beta dengan jalan pengampunan ini beta berha-rap akan dapat memberi kehi-dupan baharu kapada tuan2 sekalian."

Semasa menyampaikan sabda uchapan di-kursus guru2 ugama di-Sekolah Arab Has-sanal Bolkiah di-Bandar Brunei pada 19hb. April 1970, Pa-duka Seri Begawan telah meng-hapuskan segala ramalan2 yang di-buat mengenai penurunan-nya dari takhta kerajaan de-nan menyatakan:

"Beta dengan rela hati dan bukan baru yang mana doa be-ta dari semenjak tahun 1958 berdoa kapada Tohan bila sampai umor beta 50 tahun dengan sharat Sultan yang se-karang ini — anak beta — lu-lus pelajaran-nya, beta memo-honkan kapada Tohan Rabul Alamin supaya takhta kerajaan beta Tohan berikan kapada Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah yang men-jadi Sultan masa ini."

Tiada tekanan dari mana2 pehak pun telah di-buat ter-hadap Paduka Seri Begawan supaya turun dari takhta kerajaan. Keputusan-nya yang muk-tamad itu hanya semata2 me-menohi niat yang suchi itu.

Paduka Seri Begawan maseh terus mengambil bahagian yang aktif dalam hal ehwal negara. Duli Yang Teramat Mulia itu ia-lah colonel-in-chief dalam Askar Melayu Diraja Brunei dan Ketua Penasihat kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-daulah yang telah berikrar akan menjalankan dasar2 yang telah di-asaskan oleh Paduka Seri Begawan dalam masa Du-li Yang Teramat Mulia itu menjadi Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Penglaksanaan penoh terhadap ranchangan dan chita2-nya bagi kemajuan Brunei untuk kepentingan raayat ada-lah terletak di-tangan pengganti-nya. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-daulah yang telah berikrar akan menjalankan dasar2 yang telah di-asaskan oleh Paduka Seri Begawan dalam masa Du-li Yang Teramat Mulia itu menjadi Sultan dan Yang Di-Pertuan.

GPPS menang perlawanan hoki

TUTONG. — Gerakan Pakaian Pemuda Sukarela — GPPS, Tutong telah menjadi johan dalam perlawanan hoki sa-telah mengalahkan Persatuan Melayu Luagan Dudok dalam perlawanan akhir dengan tiga gol ti-dak berbalas.

Perlawanan tersebut telah di-adakan di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim, pada hari Juma'at lepas dan ia-nya telah di-rasmikan oleh Naib Yang Di-Pertua Majlis Belia2, Awang Jaya bin Abdul Latif.

Perlawanan yang di-anjorkan oleh Persatuan Melayu Luagan Dudok itu ada-lah di-adakan bersempena menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-24 bagi Daerah Tutong.

Sa-banyak 11 buah pasukan telah mengambil bahagian dalam perlawanan yang di-jalankan sa-chara kalah mati itu.

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Hassan bin Haji Mohammad Yusof telah menyampaikan hadiah2 di-akhir perlawanan tersebut.

Jualan murah

SERIA. — Majlis Masharikat Daerah Belait akan mengadakan jualan murah di-Kelab Belia Kuala Belait pada hari Sabtu 26 September, mulai jam 2.00 petang.

Jualan murah itu di-adakan untuk mengutip derma bagi menambahkan tabung majlis tersebut.

Lumba basikal: 10 orang peserta perempuan mengambil bahagian

BANDAR BRUNEI. — Saramai 125 orang pelumba basikal termasuk 10 orang perempuan akan mengambil bahagian dalam perlumbaan basikal van ketiga di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei pada 29 September.

Perlumbaan itu akan di-adakan sa-bagai memperingati hari kepusaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Sa-orang juruchakap bagi Majlis Belia2 Negeri Brunei berkata, pelumba lelaki akan mengambil bahagian dalam perlumbaan jarak 67 batu dari Kuala Belait ka-Bandar Brunei dan pelumba2 perempuan



Pasukan GPPS di-sebelah kiri) dan pasukan Persatuan Melayu Luagan Dudok, sa-beleum memulakan perlawanan.

Perlawanan gasing anjoran Persatuan Melayu Lamunin

TUTONG. — Persatuan Melayu Lamunin, Tutong akan menganjorkan perlawanan gasing sa-negeri yang akan di-adakan pada pertengahan bulan Oktober, ini bersempena dengan penukaran Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata, perlawanan itu terbuka kepada persatuan2 belia dan kampong2 di-seluruh negeri ini dengan di-kenakan bayaran masok sa-banyak \$15 bagi tiap2 satu pasukan.

Juruchakap itu menambah kata pemenang2 dalam perlawanan itu akan di-berikan sa-buah perisai rebutan sa-lama tiga tahun.

Borang2 dan penerangan2 lanjut untuk memasuki perlawaan itu boleh di-dapati dari Che'gu Judin Karim, di-Sekolah Melayu Mentiri, Brunei, Awang Mohsin Haji Khatam

di-Sekolah Melayu Kampong Menengah, Tutong dan Awang Othman Maaruf di-Sekolah Menengah Melayu Jalan Muarra, Brunei.

Borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan tidak lewat pada 4hb. Oktober, 1970.

Di-samping perlawanan itu, persatuan itu juga akan meng-adakan Pasar Ria bagi mengutip derma untuk mendirikan bangunan Ibu Pejabat Persatuan itu yang di-anggarkan menelan belanja sa-banyak \$3,000.00.

Pasar ria itu hanya di-khas-kan kapada ahli2 persatuan dan penduduk2 Kampong Lamunin sahaja untuk mengambil bahagian.

Penerangan2 mengenai de-nan pasar ria itu boleh-lah berhubung dengan Awang Mohsin Haji Khatam, Peng-arah Gerakan Ekonomi, Per-satuan Melayu Lamunin, Tu-tong.

PERTANDINGAN AL-QURAN

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sungai Kebun — PUSAKE akan mengadakan pertandingan membaca Al-Quran di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada 28 September.

Pertandingan tersebut ada-lah bagi memperingati Isra' dan Mi'raj dan hari perlumbaan Negeri Brunei.

Ia-nya akan di-bahagikan kapada dua bahagian — lelaki dan perempuan. Dan pemenang2 pertama dalam tiap2 bahagian akan di-hadiahkan dengan tiket kapal ter-bangka-Kota Kinabalu dan balek.

Borang2 masok bertanding boleh di-dapati dari sekaran dan borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 24 September.

Sementara itu, persatuan tersebut juga akan mengadakan per-sembahuan aneka warna bertempat di-Dewan Kemasharakatan pada 29 September untuk mengutip derma bagi tabung persatuan itu.

DAERAH TUTONG

PILEH WAKIL2

MEMBACHA QURAN

TUTONG. — Dua orang qari dan dua orang qariah telah di-pileh untuk mewakil; Daerah Tutong ka-peraduan memba-chha Al-Quran Perengkat Selu-roh Negeri yang akan di-adakan di-Bandar Brunei dalam bulan hadapan.

Mereka ia-lah Awang Ali-mas bin Mohammad Daud, Awang Yusof bin Donglah, Dayang Rubiah binte Haji Ja-wi dan Dayang Latifah binte Libut.

Qari2 dan qariah2 itu telah di-pileh dari 12 orang peserta dalam peraduan perengkat dae-rah yang telah di-adakan di-padang Bukit Bendera, Tutong pada minggu lalu.

Peraduan tersebut telah di-rasmikan oleh Setia Usaha, Ja-batan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdullah bin Metassan dan hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengiran Siti Zubaidah, isteri pegawai dae-rah Tutong.

Sukan sekolah2:

St. Michael

jadi johan

SERIA.—Pesta sukan bagi se-kolah2 di-Daerah Belait telah di-adakan pada hari Juma'at dan Sabtu lepas dan berakhir dengan Sekolah St. Michael Seria menjadi johan dalam ba-hagian lelaki dan Sekolah Me-nengah Chung Ching juga dari Seria telah menjadi johan dalam ba-hagian perempuan.

Kedua2 sekolah itu telah di-hadiahkan dengan piala2 pu-singan yang telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan.

Dalam ba-hagian olahraga Maktab Anthony Abell telah menang dalam pertandingan2 bola sepak dan sepak takraw. Sekolah Menengah Chung Ching telah menang dalam pertandingan ping pong dan bola keranjang dan Sekolah Inggeris Perdana Wazir telah menang dalam perlwanan ping pong bagi perempuan.

Murid2 perempuan dari Sekolah St. Angela telah menang dalam perlwanan badminton dan bola keranjang dan per-tandingan badminton bagi mu-rid2 lelaki telah di-menangi oleh Sekolah St. Michael.

Gambar kanan menunjukkan sa-bahagian dari anggota pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei yang telah pulang ka-tanah ayer dari London pada minggu lalu.

Rombongan yang mengandungi sa-ramai 135 orang termasuk pancharagam pasukan itu telah mengambil bahagian dalam berbagai pertunjukkan tattoo di-United Kingdom.

Perarakkan tanglong berjalan kaki

BANDAR BRUNEI. — Perarakkan2 tanglong berjalan kaki dan kereta berhias akan di-adakan di-Bandar Brunei pada 5 Oktober, sempena menyambut hari perayaan penukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan.

Perarakkan kerta berhias adalah terbuka kapada jabatan2 kerajaan, sharikat2 perniagaan dan orang ramai, sementara perarakkan tanglong terbuka kapada sekolah2, maktab2, persatuan belia, jabatan2 kerajaan dan orang ramai.

Peserta yang mengambil bahagian dalam satu pasukan bagi perarakkan tanglong berjalan kaki itu, tidak lebih dari 30 orang.

Borang2 untuk menyertai sekarang boleh di-dapat dari Setiausaha Jawatankuasa Perarakkan Kereta Berhias dan Tanglong Berjalan Kaki, Awang Zaini bin Haji Bagol di-alamatkan Setor2 dan Persekutuan Negara, Jabatan Kerja Raya bahagian Setor Jalan Tasek Bandar Brunei atau dari Awang Sablee bin Haji Metus-sin di-Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Brunei dan borang2 itu hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari jam 4.00 petang 24 September.

Pepereksaan masok ka-sek. Inggeris

BANDAR BANDAR. — Sa-ramai 3,036 orang murid, dalam kelas2 rendah, dari Sekolah2 Melayu dan China di-negeri ini, telah mengambil peper eksaan pemilihan untuk masok ka-sekolah2 Inggeris, Kerajaan tahun depan.

Pepercayaan itu, telah di-adakan di-sebelas pusat pepercayaan di-seluruh negeri.

Ini ada-lah jumlah yang terbesar sekali murid2 yang mengambil pepercayaan itu pernah di-terima oleh Jabatan Pelajaran.

Sa-jumlah sa-ribu enam ratus lima puloh orang murid2, dari sekolah2 Melayu dan China di-negeri ini, telah di-terima masok, ka-kelas2 perseiduan Inggeris, dalam bulan Januari tahun ini.



Guru2 pelateh yang lulus kursus 3 tahun

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 253 orang guru pelateh yang telah lulus kursus perguruan selama tiga tahun di-Maktab Perguruan Brunei akan menerima sijil2 mereka di-satu majlis penyampaian sijil di-Dewan Sekolah Melayu SMJA Pusar Ulak pada hari Sabtu 26 September, 1970.

Dari jumlah tersebut, sa-ramai 68 orang daripada-nya ia-lah perempuan.

Guru2 pelateh yang akan menerima sijil itu terbahagi kepada dua kumpulan, 29 orang dalam kumpulan A, 48 dalam kumpulan B dan 176 dalam kumpulan C.

Mereka yang lulus itu ia-lah:

KUMPULAN A:

Aw. Chen Ah Nyau, Aw. Wai Liang Chua, Aw. Ampuan Hussain b. A. Mat Tahir, Aw. Stephen Chok Nyuk Fah, Aw. Aliadin bin Abd. Rashid, Ak. Muhd. Hassan bin Pg. Zainal.

Aw. Md. bin Md. Yusuf, Ak. Mohd. Daud bin Pg. Puteh, Aw. Md. Aliddin bin A. Ghani, Ak. Zainal bin Pg. Talib, Aw. Amiah bin Duraman, Aw. Cheong Jak Kim.

Dg. Chia Yun Soon, Dg. Nor-biah bte Jaya, Dg. Chow Wai Fong, Dg. Chua Sui Yong, Dg. Josephine Leong Ah Moi, Dg. Chia Yuh Ping, Dg. Lucy Liang Yun Leng, @ Hong Kiok Niong, Dg. Rosinah bte Md. Ja'afar, Aw. Wong Teck Wan, Aw. Chan Wee Ming.

Dg. Chua Liang Moi, Aw. Yahaya bin Mat Nor, Dg. Woo Sok Ho, Aw. Joseph Wong Teck, Choon, Dg. Hasiah bte Abu Zar, Aw. Abdul Rahim bin Razali, Aw. Lim Soon Ee.

KUMPULAN B:

Dg. Nancy Lim Giok Nyeo, Aw. Ismail bin Ibrahim, Aw. Ramlee bin Ahmad, Aw. Persula bin Sura, Dg. Jamilah bte Ahmad, Dg. Rosnah bte Omar, Dg. Rita Tieh Ting Ngik, Dg. Chow Sut Ngo.

Dg. Tung Ah Hua, Dg. Rasiah bte A. Hanifah, Aw. Anthony Yap Kim Fa, Aw. Abdul Alim b. Othman, Dg. Maimunah bte Zulkifli, Dg. Chu Lee Yun, Aw. Abu Bakar b. OKM. Salleh, Aw. Ali Hassan bin Bakar, Aw. Antin bin Ahmad, Aw. Maidin bin Haji Othman.

KUMPULAN B:

Aw. Yusof bin Ampuan Kula, Aw. Hidup bin Hj. Mohd., Aw. Bagol b. Hj. Md. Noor, Aw. Abd. Hamid bin OKSU Basah, Aw. Bi-din b. Abdul Razak, Aw. Mudin bin Mohd. Yasin, Aw. Yahya bin Mahmud, Aw. Ali Omar bin Ismail, Aw. Ali Baha bin Hj. Akbar.

Dg. Azizah bt. Abd. Rashid, Dg.

S'aadah bte Md. Salleh, Aw. Asnan bin Talip Aw. A. Mohd. Daud bin Iring Dk. Basrah bte Pg. Ahmad, Dg. Norhayati bte H.M. Noor Dg. Norsiah bte Md. Yusof.

KUMPULAN B:

Aw. Aimi bin Kamaruddin, Aw. Ahmad bin Rais, Aw. Jumit bin Ismail, Aw. Raub bin Mohd. Nor, Aw. John Chang Yong Fatt, Dg. Chew Ngoi Len, Dg. Ong Lee Mol, Dg. Jamilah binti Md. Don.

Aw. Abas bin Moktal, Aw. Valentine Low Lim Poh, @ Mohd. Radzuan bin Abdullah, Aw. Salleh bin Umar, Ak. Ibrahim bin Pg. Metassan, Dg. Noor Faridah binti Hussin, Aw. Chong Yu Yin.

KUMPULAN C:

Sanipon bte Ismail, Dg. Rahilah bte Lagong, Dg. Hasnah bte Hj. Omar, Md. Esa bin Saban, Mohsin bin Taha, Mohd. Taimin bin Ahmad, Burut bin Tamit, Ab. Hamid bin Kalong, Zakariah bin Abdullah, Misli bin Hj. Besar.

A. Halim bin Abd. Rahman, Ahmad bin Momin, Ak. Tajuddin bin Pg. Munggu, Ahmad bin Abd. Hamid, Duming bin Abd. Wahab, H. Taha bin Hj. Md. Salleh, Ismail bin Mohammad, Julaihi bin Sharbini, Junaidi bin Abd. Ghani, Jeneh bin Aji.

Jalil bin Ali, Limpah bin Kong-pau, Kassim bin Hj. Ibrahim, Md. Ja'afar bin M. Tahir, Md. Said bin Hj. Bakir, Mohd. Yassin bin Hassan, Moktar bin Md. Yassin, Md. Yusof bin Mohammad, Aini bte Munchit, Dk. Rosni bte Pg. Ismail.

Halus bte Piut, Jalia bte Ibrahim, Junai bin Yahya, Noordin bin Hj. Kasah, Oyek bin Agol, Othman bin Basiah, Ramlee bin Dagong, Saniyah bin Jaya, Sharbini bin Mohammad.

Tengah bin Morshidi, Timbang bin Karim, Wasli bin Janai, Zaleha bte Abd. Majid, Zaharah bte Ja'afar, Ghani bin Dungok, Abd. Rahman bin Apong.

P. A. Hasanuddin bin P. A. Safiuddin Aw. Kamaruddin bin H. Othman, Idris bin Ahmad, Timbang bin Seruddin, Muhammad bin Ali. Merali bin Merussin, Dzulkifli bin A. Latiff Seruji bin Yahya.

Kassim bin Kalimang, Singok bin Gampar, Jumat bin Md. Yassin, Abd. Rahman bin Othman, Metali bin Momin, Zakariah bin Ahmad Mariam bte Hidup, Mai-salamah bte Sharbini, Mariam bte Ibrahim, Kamsiah bte Abdullah.

Benson bin Tunggong, Junaidi bin Osman, Mohd. Hassan bin Haji Metali, Masnah bte Abd. Rahman, Rosni bte Tajuddin, Halimah bte Suhaili, Naimah bte Mumtin, Jaludin bin Jumat, Awang bin Kudi, Rohana bte Abdullah.

Marak bin D. M. S. Dian, Musa bin Md. Said, Siti Awan bte Tengah, Murah bin Momin, Abdullah bin Yahya, Md. Hussain bin Md. Jair, Rosni bte Bakar, Ak. Daud bin Pg. Othman, Hindun bte Saidi, Masnonah bte Bolhasaan, Asmah bte Mohd. Yusof, Sulaiman bin Ya'akub, Md. Noor bin Awang, Jumat bin Md. Tahir.

Abd. Lamin bin Burut, Pijang bin Nyawa, Merikan bin Aja, Md. Yusof bin Madin, Johari bin Munaf, Sa'aidah bte Md. Yusof, Karapoh bte Tunggong, Atod bin Keluloh, Maimunah bte Alias, Shahrin bin Metali, Ramlee bin Md. Zain, Masnah bte Jeneh.

Mahmud bin Momin, Jumat bin Idris, Sabli bin Hussain, Dk. Rosni bte Pg. Badar, Ramlee bin Salat, Dk. Masnonah bte Pg. Hashim, A. K. Razali bin Pg. Hd. Salleh, Othman bin Ahmad, Mohamad bin Abd. Rahman.

Selamat bin Abd. Wahab, A. Tuah bin A. Damit, Mulok bin Abidin, Pakai bin Litor, Ratmah bte Hj. Mokti, Muhamad bin Umar, Normah bte Badar, Masnah bte Zakaria, Johari bin Suhut.

Salasa bte Gana, Asmah bte Ahmad, Pungut bin Murang, Noorashid bin Abdullah, Linap bin Arum, Abd. Talib bin Shamsu, Abd. Manaf bin Metali, Md. Salleh bin Md. Sa'at, Serudin bin Sitai, Norai bin Ibrahim, Kula bin Hj. Md. Salleh.

Ak. Idris bin Pg. Ismail, Metamit bin Jumat, Tamim bin Bahar, Mohd. Ali bin Ahad, Metusin bin Md. Ja'afar, Tengah bin Tahir, Abd. Wahab bin Abdul, Hassan bin Ibrahim, Ismail bin Mohd. Nor.

Mohammad bin Abu Bakar, Md. Nassar bin Ab. Samad, Kamis bin Hj. Mansor, Mahmud bin Hadi, Zauyah bte Mantok, Masnah bte Hj. A. Wahab, Dk. Zubaidah bte Pg. Damit, Ismah bte Moktal, Da-yang Mariah bte Edin.

Masnah bte Ibrahim, Dk. Aishah bte Pg. Md. Said, Fatimah bte Kadir, Rahmah bte Jeludin, Juani bin Lagong, Hashim bin Hj. Piut, Pawi bin Bakri, Ak. Sulaiman bin Pg. Anum, Kamis bin Badar, Abd. Rani bin Metassan.

Lamit bin Hj. Md. Salleh, Salmah bte Md. Yusof, Saidin bin Abd. Halim, Fatimah bte Hj. Mohamad, Rosnah bte Abu Bakar, Raya bte Rais, Ramli bin Haji Dagang Zainal bin Abd. Rahman, Etit bin Yabau, Rabiah bte Othman.

Md. Zain bin Yusof, Abd. Ghafar bin Ali, Metali bin Abu Bakar, Ismail bin Md. Yusof, Ibrahim, Mohd. Zain, Hassan bin Timbang, Osman bin Ahmad, Awat bin Agong.

Pentadbiran Awam

(Dari Muka 2)

Segala lantekan2, kenaikan pangkat, tindakan2 tata-tertib, permohonan lantekan hanya dapat di-laksanakan sa-telah mendapat perkenan dari Duli Yang Maha Mulia atas nasehat Surohanjaya ini di-kechualikan-lah jawatan2 yang sementara dan satu dua jawatan utama. Sa-telah sa-suatu jawatan itu di-iklankan, terserah-lah kepada Surohanjaya ini untuk menimbalangkan permohonan2 itu. Dalam pertimbangan itu pandangan2 Jabatan2 yang berkaitan barang sa-tentu-nya-lah menjadi antara asas2 pertimbangan itu. Tetapi apa yang penting di-ingati ia-lah Surohanjaya ini mempunyai kebebasan-nya yang tersendiri dalam aspek2 yang saya sebutkan itu.

7. Semangat Berpasukan.

Dengan itu, jika maseh melekat pada otak awang2 dan dayang2 semua nyata-lah bahawa Pentadbiran atau pemerintahan Negeri Brunei ini bukan-lah di-laksanakan oleh sa-orang manusia atau oleh sa-kumpulan kecil pegawai2 kanan. Sa-benar-nya, Pentadbiran awam ada-lah di-laksanakan oleh sa-bahagian besar daripada penduduk2 negeri ini dan pegawai2 luar; masing2 dengan peranan-nya dan tertaklok pula kapada perotoran2 serta pertimbangan2 yang tertentu. Tiap2 peranan itu pula; sama ada yang melibatkan dasar atau perlaksanaan, kerani atau peon atau pun pemandu kerita dan penyupu longkang masing2 ada-lah dengan keperluan-nya atau di-perlukan. Kelemahan sesuatu bahagian ada-lah merupakan kelemahan keselurohan-nya. Jadi, Pentadbiran Awam itu boleh-lah disifatkan sa-bagai satu Pasukan Bola Sepak; semua-nya berkerjasama dan menuju kapada-satu matalamat yang satu dan sama. Tanpa perpaduan ini mengakibatkan kekechiwaan jua ada-nya.

SELESAI

Pentadbiran Awam

(Dari Muka 2)

Segala lantekan2, kenaikan pangkat, tindakan2 tata-tertib, permohonan lantekan hanya dapat di-laksanakan sa-telah mendapat perkenan dari Duli Yang Maha Mulia atas nasehat Surohanjaya ini di-kechualikan-lah jawatan2 yang sementara dan satu dua jawatan utama. Sa-telah sa-suatu jawatan itu di-iklankan, terserah-lah kepada Surohanjaya ini untuk menimbalangkan permohonan2 itu. Dalam pertimbangan itu pandangan2 Jabatan2 yang berkaitan barang sa-tentu-nya-lah menjadi antara asas2 pertimbangan itu. Tetapi apa yang penting di-ingati ia-lah Surohanjaya ini mempunyai kebebasan-nya yang tersendiri dalam aspek2 yang saya sebutkan itu.

7. Semangat Berpasukan.

Dengan itu, jika maseh melekat pada otak awang2 dan dayang2 semua nyata-lah bahawa Pentadbiran atau pemerintahan Negeri Brunei ini bukan-lah di-laksanakan oleh sa-orang manusia atau oleh sa-kumpulan kecil pegawai2 kanan. Sa-benar-nya, Pentadbiran awam ada-lah di-laksanakan oleh sa-bahagian besar daripada penduduk2 negeri ini dan pegawai2 luar; masing2 dengan peranan-nya dan tertaklok pula kapada perotoran2 serta pertimbangan2 yang tertentu. Tiap2 peranan itu pula; sama ada yang melibatkan dasar atau perlaksanaan, kerani atau peon atau pun pemandu kerita dan penyupu longkang masing2 ada-lah dengan keperluan-nya atau di-perlukan. Kelemahan sesuatu bahagian ada-lah merupakan kelemahan keselurohan-nya. Jadi, Pentadbiran Awam itu boleh-lah disifatkan sa-bagai satu Pasukan Bola Sepak; semua-nya berkerjasama dan menuju kapada-satu matalamat yang satu dan sama. Tanpa perpaduan ini mengakibatkan kekechiwaan jua ada-nya.

SELESAI

Persembahan berchuchol rumah2

bangunan2 sharikat perniagaan dan kedai

BANDAR BRUNEI. — Persembahan berchuchol bagi rumah2, bangunan2 sharikat perniagaan dan kedai2 akan di-adakan, sa-bagian dari ranchangan menyambut perayaan hari penukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan.

Sa-orang juruchakap ja-watankuasa persembahan berkata, persembahan ber-

chuchol itu ia-lah bagi ban-gunan2 yang mempunyai be-kalan letrik di-Bandar Brunei; Jalan Subok; Jalan Ko-ta Batu hingga ka-Kam-pung Pelambayan; Jalan Tutong hingga ka-batu 10, Jalan Gadong hingga ka-batu 6 dan Jalan Muara hingga ka-batu 7.

Rumah2 di - Kampong Ayer juga di-minta menyertai-nya dengan memasang

lampu2 chuchol semasa ha-ri perayaan itu.

Juruchakap itu berkata, orang ramai yang ingin me-nyertai persembahan ber-chuchol itu tidak perlu membuat permohonan ka-pada jawatankuasa tersebut.

Kata-nya, mereka hanya di - kehendaki menghidupkan lampu2 chuchol mereka dari pukul 6.30 petang hingga 12.00 tengah malam mu-lai dari 5 Oktober.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Pembantu Teknik

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pembantu Teknik di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mem-punya lisensi memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang mempunyai pengalaman selama 3 tahun dalam jurusan teknikal, terutama sekali dalam ukor mengukur.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantong kapa-da kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang ber-khidmat hendak-lah di-hantar me-lalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang bo-leh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 8hb. Oktober, 1970.

Sa-bagai Pemandu Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pemandu Tingkat II di-Jabatan Perubatan dan Kesiha-tan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mem-punya lisensi memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki sebarang kerosakan2 kecil.

Tugas2:

Pemohon2 mesti-lah berse-di dia menjalankan tugas sama ada siang atau malam di-mana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$200 x 5 — 220.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang bo-leh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 12hb. Oktober, 1970.

Sa-bagai Pemandu Moto Sangkut

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan Pemandu Motor Sangkut di-Pejabat Daerah Belait, Kuala Belait.

Hanya orang2 yang tinggal di-Daerah Belait di-kehendaki memo-hon:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2nya selama 3 tahun dan boleh memperbaiki sebarang kerosakan kecil bagi jentera motor sangkut.

Gaji:


Dalam sukatan gaji F. 2 EB 3

— \$180 x 5 — 195/EB/200 x 5 — 220.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ke-tua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-pe-nohkan di-atas borang2 yang bo-leh di-dapat daripada Pegawai Per-jawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 25hb. September, 1970.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



PELANCHARAN DUA BUAH KAPAL

RONDA UNTOK A.M.D.B.

SINGAPURA. — Semasa Brunei dan Britain terus mengadakan perundingan mengenai nasio depan tentera2 British

Empat orang penyanyi di-pileh untuk mewakili Daerah Temburong

PEKAN BANGAR, TEMBURONG. — Empat orang penyanyi — dua orang lelaki dan dua orang perempuan telah di-pileh untuk mewakili Daerah Temburong dalam pertandingan Bintang Radio 1970 perengkat seluruh negeri dalam bulan hadapan.

Mereka ia-lah Awangku Sulaiman dan Dayang Rokayah binte Idris — Johan2 lagu langgam, Awangku Metussin bin Pengiran Tuah dan Dayang Aminah binte Timbang Johari2 lagu asli.

Mereka itu telah di-pileh dari 15 orang peserta yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan Bintang Radio perengkat daerah yang telah di-adakan di-Pekan Bangar pada minggu lalu.

Pemangku Pegawai Daerah, Awang Mohammad Salleh bin Hidup telah merasmikan pertandingan tersebut, sementara isteri beliau Dayang Armah binte Akip telah menyampaikan hadiah2.

Pertandingan Bintang Radio Perengkat Seluruh Negeri akan di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada 3 Oktober ia-itu sa-bahagian dari perayaan bagi menyambut penukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan.

di-rantau ini, sejarah telah dicipta dalam perusahaan pembinaan kapal di-Singapura apabila dua buah kapal ronda yang laju bagi Askar Melayu Di-Raja Brunei telah dilancarkan serentak di-sebuah limongan di-sini.

Vosper Thornycroft Uniteers Sendirian Berhad telah membe-na dua buah kapal tersebut sepanjang 62 kaki dengan me-nelan belanja \$1.3 juta bagi kegunaan rondaan yang jauh.

Pelancharan itu telah dilakukan oleh Datin J.J.H. Simpson, isteri Pemerintah Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei yang telah pergi ka-Singapura khusus untuk melakukan upachara pelancharan tersebut.

Sa-juru sa-icpas Datin Simpson beruchap dalam bahasa Melayu dengan menguchapkan selamat sejahtera kapada mereka yang belayar di-dalamnya, dua biji botol yang berisi ayer suchi telah di-pechahkan — sa-buah bagi satu haluan— dengan di-ikuti tepokan gemuruh dari para jemputan khas.

Di-antara yang hadir me-nyaksikan upachara tersebut ia-lah Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, wakil2 kerajaan British Singapura dan Malaysia.

Terdahulu sa-belum itu, Kadzi Besar Brunei, Yang Ber-hormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Haji Awang Mohammad Zain bin Haji Seruddin telah mem-bachakan do'a selamat.

Kapal2 tersebut di-berinama KDB Saleha dan KDB Masna untuk menghormati keluarga Di-raja.



Gambar atas menunjukkan Datin Simpson (No. 2 dari kanan) sedang memecahkan botol yang berisi ayer suchi ka-atas haluan kapal ronda KDB Saleha.

Hutan simpanan di-Sg. Liang di-jadikan "Forest Park"

BANDAR BRUNEI. — Pemelihara Hutan, Awang J. P. Tamworth mengumumkan bahawa hutan simpanan terletak di-belakang Balai Pemerkasaan Hutan di-Sungai Liang telah di-jadikan sa-buah Kebun Hutan (Forest Park).

Hutan simpanan sa-luas 70

Majlis forum anjoran BAPPI

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis forum yang di-anjorkan oleh Badan Pelajar Islam, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei akan di-adakan di-Dewan Maktab tersebut pada hari Isnin 29 September mulai jam 7.15 malam.

Majlis tersebut di-adakan bersempena menyambut Isra' dan Mi'raj.

Tiga orang peserta akan di-undang untuk mengambil ba-hagian dalam majlis forum tersebut.

Mereka ia-lah Yang Ber-hormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Haji Mohammad Jamil Al-Sufri, Awang Saman bin Kahar dan Haji Awang Abdul Aziz Junid.

Selain dari majlis forum, persembahan nashid dan di-klamasi sajak juga akan di-adakan pada malam itu.

Orang ramai ada-lah di-per-silakan hadir ka-majlis tersebut.

ekar itu akan di-buka kapada orang ramai mulai awal bulan Oktober hadapan.

Awang Tamworth berkata, jabatan-nya telah menyediakan beberapa kemudahan sa-perti jembatan2 menyeberangi anak2 sungai dan menyediakan lorong2 besar bagi memudahkan pelawat2 bersiar2 di-kebun tersebut.

Tempat2 bertedoh dan bangku2 serta tong2 sampah juga di-sediakan di-kawasan kebun itu.

Beliau berkata, kawasan hu-tan simpanan itu mempunyai kira2 170 jenis pokok kayu yang telah di-beri nama.

Berkursus di-London

BANDAR BRUNEI. — Dr. Johar bin Haji Nordin, dari Rumah Sakit Besar Bandar Brunei telah berlepas ka-London pada minggu lalu un-toh menjalani kursus diploma Kesihatan Awam Tropika di-London University selama satu tahun.

Dr. Johar ia-lah anak Melayu Brunei yang pertama lulus sa-bagai doktor. Beliau tamat pengajian-nya di-Glasgow University, Scotland dengan mendapat ijazah MB-CHB atau sarjana muda perubatan dan pembedahan dalam tahun 1968.

Sa-telah tamat pengajian-nya Dr. Johar menjalankan kerja2 surgical housman selama satuhun di-Sterling, juga di-Scotland.



Gambar atas menunjukkan pemenang2 dalam pertandingan Bintang Radio perengkat Daerah Temburong. Dayang Aminah Timbang dan Dayang Rokayah Idris (No. 3 dan 4 dari kiri), Ak. Sulaiman (No. 4 dari kanan) dan Ak. Metussin (di-sebelah kanan sekali) akan mewakili daerah itu ka-pertandingan perengkat akhir di-Bandar Brunei dalam bulan hadapan.